



Eksklusif

# Y.A.B. Dato' Seri Shahidan b. Kassim



**Dato' Seri Shahidan bin Kassim** adalah tokoh yang telah dipilih oleh pihak pengurusan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia untuk menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan bersempena Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif yang julung-julung kali diadakan oleh KUKUM pada 17 Julai 2004.

Penganugerahan tersebut adalah untuk menghargai jasa serta sumbangan Dato' Seri Shahidan terhadap pembangunan pendidikan di negeri Perlis dan seterusnya kejayaan beliau mentadbir negeri Perlis yang permai lagi mempesona.

Semenjak Dato' Seri Shahidan memikul tugas sebagai Menteri Besar Perlis pada tahun 1996, telah banyak kemudahan serta kemajuan yang telah dikecapi oleh rakyat Perlis khasnya sama ada di dalam bidang pertanian, perindustrian, sukan, pengurusan pentadbiran negeri dan yang paling ketara ialah di dalam bidang pendidikan. Dato' Seri Shahidan juga adalah seorang pemimpin yang berjiwa rakyat. Beliau mudah didekati dan mesra dengan semua lapisan masyarakat. Pemimpin yang mementingkan disiplin ini sangat komited di dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.

Menyingkap sejarah hidup Dato' Seri Shahidan, beliau telah dilahirkan pada tanggal 17 Jun 1951 di Kampung Tambun Tulang, Arau Perlis. Anak kepada pasangan petani, Kassim bin Haji Ismail dan Pok bt. Arshad ini adalah anak kelima dari tujuh orang adik beradik. Beliau telah dibesarkan di dalam suasana perkampungan sawah yang indah dan harmoni.

Dato' Seri Shahidan telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tambun Tulang sebelum menyambung pengajian ke Sekolah Menengah Datuk Sheikh Ahmad, Kangar. Seterusnya Dato' Seri telah menamatkan persekolahannya di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra Kedah.

Setelah menamatkan persekolahan, Dato' Seri Shahidan telah melanjutkan pengajiannya ke Universiti Malaya di dalam jurusan Ekonomi dan Sastera sehingga berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Sejarah pada tahun 1973. Di atas rasa cinta terhadap ilmu mendorong beliau meneruskan pengajian ke peringkat sarjana di Institute of Social Studies Holland dan memperolehi Masters Degree in Development studies. Kini Dato' Seri Shahidan sedang menghabiskan thesis tahun akhir untuk pengajian peringkat Doktor Falsafah di Universiti Utara Malaysia.

Dato' Seri Shahidan telah memilih Datin Seri Shamsiah bt. Mohd. Yassin sebagai pasangan hidup dan Datin Seri Shamsiah adalah orang yang paling banyak memberi sokongan kapada Dato' Seri Shahidan di dalam karier mahupun kehidupan sehari-hari. Pasangan bahagia ini telah dikurniakan 6 orang cahaya mata sebagai penyeri hidup.

*"...Dato' Seri Shahidan juga adalah diantara orang yang pertama mencetuskan idea untuk menubuhkan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang setaraf universiti di negeri Perlis..."*

Sorotan sejarah penglibatan Dato' Seri Shahidan di dalam sektor awam bermula sewaktu beliau berkhidmat sebagai kakitangan di Pejabat Kastam Kuala Perlis pada tahun 1974. Beliau telah bertukar ke Jabatan Perbendaharaan di Kuala Lumpur pada tahun yang sama dan bertugas di sana selama hampir empat tahun. Seterusnya beliau telah kembali berkhidmat di negeri kelahirannya dan menjawat jawatan sebagai Pegawai Kemajuan Negeri di Pejabat Pembangunan Negeri Perlis dari tahun 1977 sehingga 1982. Di pertengahan tahun 1982, Dato' Seri Shahidan telah bertukar ke Kementerian Pertanian Malaysia dan sekali lagi bertukar ke Kementerian Tanah Malaysia sebagai Ketua Penolong Setiausaha pada tahun 1984.

Sewaktu menjawat pelbagai jenis jawatan di dalam sektor awam, Dato' Seri Shahidan turut dilantik sebagai Pengurus PEMADAM Negeri Perlis bermula dari tahun 1987, Pengurus Pemegang Amanah Biasiswa Negeri Perlis, Pengurus Yayasan Islam Perlis bermula 1995 sehingga sekarang, Pengurus Majlis Agama Islam Negeri Perlis dan pelbagai lagi agensi-agensi kerajaan.

Ketokohan Dato' Seri Shahidan di dalam mentadbir organisasi awam tambah terserlah apabila beliau diberi kepercayaan untuk menerajui beberapa organisasi swasta dan diantaranya ialah BERNAS dan Marines Engineering Sdn. Bhd. dari tahun 1995 sehingga kini.

Selain memegang pelbagai jawatan di dalam sektor awam dan swasta, Dato' Seri Shahidan sangat gemar terhadap kerja-kerja kebajikan atau sukarela. Bertitik-tolak di atas rasa tanggungjawab terhadap masyarakat, beliau telah melibatkan diri dengan menyertai tidak kurang dari 15 pertubuhan sukarela samada di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya ialah Yang Dipertua St. John Ambulan Malaysia, Presiden MARFIMA Malaysia, Pengurus Majlis Rekreasi Negeri Perlis dan Presiden Kelab Penerbangan Perlis.

Disamping cemerlang di dalam bidang pendidikan dan karier, Dato' Seri Shahidan juga sangat aktif di dalam lapangan sukan terutamanya badminton. Selain aktif bersukan, beliau juga memegang pelbagai jawatan utama di dalam bidang sukan samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa dan diantaranya ialah Presiden Persatuan Kabbadi Kebangsaan dan Antarabangsa, Presiden Persatuan Renang Malaysia, Timbalan Presiden Catur Malaysia dan Presiden Bolasepak Negeri Perlis.

Selain itu Dato' Seri Shahidan gemar memelihara haiwan ternakan sebagai hobi. Haiwan peliharaan yang sangat di sayangi beliau ialah burung unta dan ikan. D. dasarkan dari minat dan sifat murni itu, Dato' Seri Shahidan telah membina perwatakan dan jatidiri untuk menjadikan seorang yang cemerlang, penyabar dan dinamik.

Penglibatan Dato' Seri Shahidan dalam arena politik bermula seawal tahun 1967 dengan menyandang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Tambun Tulang dan menjadi Ketua Cawangan UMNO Tambun Tulang pada tahun berikutnya. Pada tahun

1994, Dato' Seri Shahidan telah menyandang jawatan sebagai Ketua Bahagian UMNO Arau sehingga sekarang. Tahun 1996 adalah adalah tahun yang paling menyinar disepanjang penglibatan beliau di dalam arena politik tanahair dimana beliau diberi mandat menjadi Menteri Besar Perlis dan sekali gus dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia. Beliau juga menyandang tugas sebagai Pengurus Badan Perhungan UMNO Perlis dan seterusnya dilantik Pengurus Barisan Nasional Perlis pada tahun 1997.

Dato' Seri Shahidan adalah seorang yang yang berpandangan jauh dan sangat komited terhadap pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun tinggi. Sumbangan besar beliau kepada pendidikan terutamanya di peringkat negeri memang tidak boleh disangkal oleh sesiapa. Diantara sumbangan besar beliau terhadap sistem pendidikan di negeri Perlis adalah memikul tugas sebagai Exco Pendidikan Negeri selama lebih sepuhl tahun dan hasilnya terbinalah Maktab Perguruan Perlis, Institut Kemahiran Belia Negara di Kuala Perlis, Institut Latihan Perindustrian di Kangar, Politeknik di Pauh dan Kolej Komuniti di Arau. Impian Dato' Seri Shahidan untuk menjadikan Perlis sebagai negeri ilmu telah lama tersimpan di hatinya dan hasrat ini akan terlaksana dengan sempurna apabila tertubuhnya sebuah universiti awam di negeri Perlis.

Dato' Seri Shahidan juga adalah diantara orang yang pertama mencetuskan idea untuk menubuhkan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang setaraf universiti di negeri Perlis. Idea itu sekaligus menjadi harapan seluruh rakyat negeri Perlis, dan impian itu akhirnya terlaksana dengan tertubuhnya sebuah universiti awam di negeri Perlis iaitu Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Setelah KUKUM ditubuhkan, maka bermulalah lembaran baru bagi pendidikan di negeri Perlis dan ini adalah suatu kejayaan besar yang dibawa oleh Dato' Seri Shahidan demi memastabatkan pendidikan di negeri Perlis.

Di atas usaha gigih dan ikhlas Dato' Seri Shahidan dalam setiap tugas yang dilakukan, beliau telah dianugerahkan pelbagai anugerah dan pingat demikian menghargai jasa yang di sumbangkan kepada negeri Perlis dan negara. Dato' Seri Shahidan telah dianugerahkan Pingat Ahli Mahkota Perlis (AMP) pada tahun 1980, Pingat Setia Paduka Mahkota Perlis (SPMP) pada tahun 1995. Beliau telah dianugerahkan Kol. Kehormat Rejimen 504 (AW) pada tahun 1997 dan yang terbaru ialah Pingat Sultan Ahmad Shah (SSAP, Pahang).

Bersempena Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), dengan ini pihak pengurusan dan seluruh warga KUKUM dengan bangganya menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan KUKUM kepada Dato' Seri Shahidan bin Kassim berdasarkan rekod cemerlang beliau mentadbir negeri dan sumbangan besar beliau terhadap sistem pendidikan di Negeri Perlis secara keseluruhannya.

